

14 DEC 2001

Mahathir-Palestin

PBB PATUT AMBIL TINDAKAN TEGAS BENDUNG PERANG DI PALESTIN

PUTRAJAYA, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia meminta kuasa-kuasa besar dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas membendung keganasan di Palestin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika tindakan tegas itu tidak diambil, keganasan dan tindakan membalas dendam yang tercetus di tebing Barat tidak akan "tamat sampai bila-bila."

"Kita telah menulis kepada kerajaan-kerajaan Pertubuhan Negara-Negara Islam dan Eropah khususnya berkenaan serangan terhadap negara Islam yang lain, selain Afganistan.

"Berkenaan dengan Palestin, kita juga berkata tindakan patut diambil tetapi sambutan agak lembab," katanya kepada pemberita selepas rakaman perutusan Hari Raya Aidilfitri di pejabatnya hari ini.

Beliau berkata penyelesaian terbaik masalah Palestin dan Israel adalah dengan memisahkan orang Arab daripada orang Israel disana.

Dr Mahathir berkata beliau juga telah mencadangkan dalam suratnya itu supaya diadakan pasukan pengaman dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Palestin.

"Kalau (orang Arab dan Israel) tidak dapat dipisahkan, Presiden (Palestin) Yasser Arafat tidak mungkin menghalang tindakan keganasan orang-orang Palestin yang begitu marah (dengan tindakan Israel mengebom tempat-tempat kediaman dan tempat lain).

"Tetapi balasan orang Israel yang bukan-bukan sampai hendak cuba membunuh Presiden Arafat. Dan dunia mendiam diri seolah-olah dunia mengizinkan percubaan tersebut yang dirancang oleh sebuah kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata bila tentera Israel membunuh orang Palestin dengan menggunakan peralatan canggih, dunia mengizinkan tetapi apabila orang Palestin bertindak membalas dendam secara persendirian walaupun bukan dengan izin Arafat, itu dianggap sebagai ganas dan pemimpin itu disalahkan.

Ditanya mengenai rancangan Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan Mengenai Keganasan yang dijadual tahun depan, beliau berkata ia bagi menentukan "siapa sebenarnya penganas."

"Kalau kita kata cuma orang Islam sahaja penganas, saya fikir susahlah bagi negara Islam menyertai percubaan untuk memburu penganas Islam sahaja sedangkan kita tahu orang lain juga penganas. Kita harus buru semua penganas tak kira kaum, tak kira agama," katanya.

Mengenai kegagalan tentera Amerika dan Pakatan Utara Afganistan menangkap Osama bin Laden, yang dituduh bertanggungjawab terhadap serangan penganas di Amerika Syarikat pada Sept 11 lepas, Perdana Menteri berkata : "Itulah yang kita sangka akan berlaku."

"Walaupun Taliban dapat dikalahkan, serangan terpaksa diadakan juga. Serangan bukan caranya. Tindakan yang lebih terancang untuk memburu penganas patut diadakan bukan cara rambang meletup bom di mana-mana tempat," katanya.

-- BERNAMA

SR DC MAI